

Slide 1



SENARAI SALUTASI

Timbalan Ketua Pengarah JTM, Ts. Mat Setia bin Mohd Raji

Pengarah-pengarah Bahagian

Pengarah-pengarah ILJTM

Warga JTM (Ibu Pejabat dan 32 ILJTM)

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini bersempena menyambut ketibaan tahun baharu 2023.

Sesi ini diadakan bagi memastikan seluruh warga JTM mendapat mandat dan maklum akan hala tuju jabatan sepanjang tahun ini bagi mencapai sasaran Pelan Strategik Jabatan dan KSM seiring dengan pelaksanaan dasar-dasar utama negara serta RMKe12



PENCAPAIAN 2022

Banyak pencapaian yang telah dicapai pada tahun 2022. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **TAHNAH** dan **SYABAS** kepada seluruh warga JTM yang telah bertungkus lumus melaksanakan amanah dengan penuh bertanggungjawab sepanjang tahun 2022.

Pencapaian JTM pada 2022 bukan hanya setakat ruang litup gelanggang dalam negara sahaja, namun, banyak pencapaian telah dicapai di peringkat Antarabangsa. Antaranya:

1. Kerjasama ILJTM Bersama KOSEN, Jepun
2. Program kerjasama bersama British Council dan VET Toolbox
3. Pelbagai program anjuran bersama Kerajaan Britain dan ILO
4. Kejayaan pasukan inovasi di ITEX'22 dan

Banyak lagi kejayaan lain yang telah dicapai di peringkat antarabangsa oleh pelajar dan pengajar ILJTM.



Kerjasama Berimpak Tinggi Di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa

Atas kejayaan itu, saya ingin melihat lebih banyak lagi **kerjasama yang berimpak tinggi** dapat dilaksanakan pada tahun 2023 sama ada di peringkat tempatan ataupun di peringkat antarabangsa.

Kerjasama dengan syarikat multinasional yang **telah sedia terjalin** seperti PETRONAS, SAMSUNG, DAIKIN, dan lain-lain perlu dimantapkan lagi.

Alhamdulillah, kerjasama ILJTM dengan DAIKIN bagi pelaksanaan *Air Conditioner Certified Technician* akan diteruskan untuk tempoh satu tahun lagi dengan pembiayaan HRD Corp. Manakala PETRONAS telah bersetuju untuk menyambung penajaan program VISTA PETRONAS untuk kursus pemasangan paip gas di ILP Miri untuk tempoh tiga tahun lagi.

Di peringkat antarabangsa, bermula pada tahun 2022, Jabatan telah mempergiatkan kerjasama dengan beberapa buah institusi di luar negara. Pada tahun lepas, seramai 23 orang pengajar telah mengikuti program di National Institut of Technology (KOSEN) di Jepun bagi memantapkan lagi kemahiran dan kepakaran pengajar di ILJTM.

Kerjasama ini melibatkan 5 buah kampus KOSEN di Jepun dan 8 buah kampus ADTEC dan JMTI. Diharap pengajar yang terpilih untuk mengikuti program di KOSEN dapat memberikan pulangan yang signifikan kepada institut. Jabatan juga akan membuat perancangan bagi program pertukaran pelajar di Jepun sebagai salah satu usaha memberi pendedahan kepada pelajar ILJTM di peringkat antarabangsa.

Seiring dengan hala tuju JTM mempergiatkan program dan aktiviti pengantarabangsaan, semua pihak perlu berusaha dalam memastikan sasaran 5 program antarabangsa dianjurkan menjelang 2025 tercapai.

PEMENANG WSMP

Platinum

1. **Abd Rahim Bin Kasimin**, ADTEC Batu Pahat – Electronics

Emas

1. **Saiful Aswadi Bin Mohd Shamsudin**, ILP P. Gudang – Welding

Perak

1. **Mohd Fahmin bin Mohamad**, ILP Mersing - Automobile Technology
2. **Jamaludin Bin Safar**, ILP KL - Bricklaying
3. **Mohd Salahuddin Bin Mohamed Mokhtar**, CIAST/ILP Selandar – Welding

Gangsa

1. **Md Aras Bin Yos**, ILP Labuan – Welding

Sijil Kecemerlangan

1. **Norazizi Bin Mohd Salleh**, ILP Mersing - Automobile Tech
2. **Wan Mustaffa Bin Haji Wan Mohamed Zain**, ILP P Gudang - Automobile Tech
3. **Mohd Muhaiyudin Bin Mohmd Yusoff**, ADTEC Jerantut - Mech Eng CAD
4. **Wiralela Bin Mohd**, ILP KL – Welding
5. **Shahidat Bin Yob @ Ali**, ILP Jitra – Welding
6. **Ismail Sainny Bin Saidin**, ILP Ipoh - Welding

worldskills
Malaysia

TAHNNIAH

KEJAYAAN PENGAJAR

Kejayaan JTM dalam melahirkan tenaga kerja mahir tidak akan tercapai tanpa sokongan yang kukuh daripada pelbagai pihak khususnya para pengajar. Melahirkan pengajar yang kompeten dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah antara fokus Jabatan. Jabatan sentiasa menggalakkan penyertaan dalam pertandingan yang berupaya menonjolkan keupayaan mereka.

Pencapaian para pengajar ILJTM sepanjang tahun 2022 adalah amat membanggakan. Syabas diucapkan kepada **Encik Abdul Rahim bin Kasiman**, pensyarah dari Bahagian Teknologi Mekatronik ADTEC batu Pahat yang telah berjaya mendapat pingat Platinum dalam pertandingan WSMP dalam bidang Elektronik. Tahniah juga diucapkan kepada semua pengajar yang telah memenangi pingat dan Sijil Kecemerlangan. Tidak lupa, ucapan syabas kepada mereka yang terpilih menjadi hakim dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia.

PEMENANG WSMB

Perak

1. Muhammad Aliff Hakimi Bin Che Johari, ILP K. Terengganu - Plumbing & Heating

Gangsa

1. Muhammad Irfan Akid Bin Wazir, ILP Perai - IT Network System Administration
2. Wilfred Julius, ILP Labuan – Bricklaying
3. Muhammad Amirul Hafiz Bin Zulkifli, ADTEC Kemaman – Carpentry
4. Muhammad Nuruddin Sofi Bin Rani, ILP K. Terengganu - Wall & Floor Tiling

Sijil Kecemerlangan


1. Nur Ayumi Fadia Binti Abd Halim, ILP KL - Graphic Design
2. Rohvingajaram A/L Ganesmurthie, ADTEC S. Alam – Mechatronics
3. Muhammad Naufal Bin Abdullah, ADTEC S. Alam – Mechatronics
4. Iskandar Bin Zulkarnain, ILP Jitra - Heavy Commercial Vehicle
5. Mohamad Fahmi Syahir Bin Fazil, ADTEC Kulim - CNC Milling
6. Kelvin Bin Kimlin, ILP Labuan - Plumbing & Heating
7. Tuan Fakhruhnaim Bin Tuan Zainal Abidin, ILP B. Katil – Welding
8. Raymund Bin Sopiji @ Paulus, ILP Labuan - Welding



TAHNNIAH

KEJAYAAN PELAJAR

Syabas juga diucapkan kepada semua pelajar dan jurulatih yang telah membimbing pelajar untuk menyertai pelbagai pertandingan dalam dan luar negara. Menang atau kalah adalah soal ke-2. Yang penting, komitmen tuan/puan dalam melatih dan membimbing para pelajar memperoleh kemahiran yang mereka perlukan dalam suasana *competitive*. Teruskan usaha dan komitmen anda dalam melatih pelajar-pelajar ILJTM. Strategi perlu disusun agar cita-cita untuk membawa pulang pingat World Skill Competition (WSC) akan menjadi kenyataan.



PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PENGAJAR

Dalam tahun ini, pelbagai program pembangunan kemahiran dan kompetensi pengajar telah dirancang sama ada melalui pelaksanaan kursus dan latihan ataupun pengiktirafan profesional menggunakan peruntukan Program Latihan Kemahiran (PLK), Program Pembangunan Kepakaran (PPK) dan Industry4wrld. Manfaatkanlah ruang dan peluang ini bagi meningkatkan tahap kompetensi tuan/puan sama ada dengan mengikuti program yang tersedia agar latihan kemahiran yang dilaksanakan di JTM benar-benar relevan dan mampu melahirkan tenaga mahir yang diperlukan. Antaranya:

- ReSkilling & UpSkilling
- Train of Trainer
- Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)
- Latihan Sangkutan Industri (LSI)
- Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
- Professional Certification
- Coaching & Mentoring



MENELUSURI AMANAT YANG AMAT BERHORMAT PM

Di bawah Kerajaan Perpaduan, beberapa proses transformasi akan dilaksanakan. Dalam amanat tahun baharu beliau, YAB PM telah menekankan kepentingan dan tanggungjawab semua penjawat awam untuk berusaha meningkatkan keyakinan rakyat serta masyarakat dunia akan kestabilan ekonomi dan pertumbuhan pembangunan negara. Untuk itu, sistem tadbir urus yang cekap perlu diterapkan seiring dengan prinsip bersih rasuah bagi meyakinkan pelabur-pelabur kembali dan kekal di Malaysia.

Keseimbangan pembangunan dalam semua aspek perlu dititikberatkan. Janganlah dalam keghairahan kita membangunkan satu perkara atau golongan sasaran, kita merosakkan atau menindas golongan lain. Suatu penyelesaian itu harus dirangka dengan mempertimbangkan setiap aspek secara lebih holistik dalam menjamin kelestarian pembangunan negara.

Oleh itu, semua pengarah diminta untuk memberi perhatian dan merangka tindakan sewajarnya dalam merealisasikan amanat ini dalam segala tindakan yang dilaksanakan.



TRANSFORMASI DIGITAL

Perkhidmatan yang JTM berikan haruslah ditambah baik dengan **memperkemas dan mempercepatkan proses kerja**. Bagi tujuan ini, saya sarankan tuan/puan untuk meneroka keupayaan teknologi digital dan **mentransformasikan proses kerja sedia ada** agar menjadi lebih produktif dan efektif.

Pada tahun 2023, JTM perlu mengorak langkah kepada **mentransformasikan proses kerja melalui pendigitalan dan bukan lagi sekadar mendigitalkan proses kerja**. Transformasi digital bukan sekadar mengintegrasikan teknologi yang ada tetapi ia merupakan satu perubahan yang lebih menyeluruh yang melibatkan penstrukturan semula dan pelaksanaan proses kerja baharu di semua peringkat kerja.

Selain proses naik taraf TMS kepada JIMS, aspek lain seperti pembangunan infrastruktur dan keselamatan digital, pewujudan tadbir urus yang mampan dan pembudayaan digital perlu diberi penekanan supaya fungsi JTM selaku penyedia latihan kemahiran dapat ditingkatkan dalam memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia.

Saya yakin, dengan kepakaran dalaman yang ada serta hala tuju JTM yang menekankan kepentingan pengembangan bakat kreativiti dan inovasi, usaha untuk mentransformasikan JTM akan menjadi realiti.

Dalam sasaran kerja tahunan 2023 telah dimasukkan KPI **pendigitalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**. Pelaksanaan latihan secara dalam talian ataupun E-Learning akan mula mengambil alih kaedah latihan konvensional apabila JIMS mula beroperasi sepenuhnya tahun ini. Oleh itu, para pengajar haruslah membuat persediaan awal daripada aspek kemahiran dan persediaan mental untuk mengharung transformasi yang bakal berlaku. Lengkapkan diri dengan kemahiran digital yang berkaitan. Belajar strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi digital sebagai *enabler* dan *enhancer* kerana pelajar yang kita terima sekarang merupakan generasi Millennial. Suka atau tidak, kita perlu didik pelajar-pelajar sedia ada mengikut zaman mereka dan bukannya mengikut cara kita belajar dulu.



BAJET 2023

Berdasarkan Bajet Mini 2023 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Disember 2022 yang lalu, JTM telah diperuntukkan Dasar Sedia Ada (DSA) sebanyak **RM152,470,800.00**. Selain daripada peruntukan DSA, JTM turut diluluskan peruntukan Program Khusus (PK) berjumlah **RM46,588,000.00**

Kesemua peruntukan yang disebutkan di atas dijangka akan diturunkan pada minggu hadapan. Peruntukan yang diterima ini agak kecil berbanding tahun-tahun sebelumnya. Jumlah keseluruhan Bajet 2023 yang akan diterima oleh JTM hanya akan diketahui setelah Kerajaan membentangkan semula bajet di Parlimen pada bulan hadapan.

Oleh itu, saya mohon semua pihak untuk bersedia dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku khususnya penguncupan peruntukan mengurus. Sejurus selepas bajet keseluruhan 2023 diluluskan, saya mohon bahagian-bahagian yang berkenaan untuk menyegerakan tindakan dan penyaluran peruntukan ke ILJTM agar pelaksanaan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

Berbalik kepada apa yang telah saya nyatakan tadi, kecekapan dan penambahbaikan kepada proses kerja perlu dilakukan bagi tujuan ini. Jika ia melibatkan proses kelulusan, mohon segerakan tindakan dan gunakan teknologi sebagai pemudah cara kerana tempoh pelaksanaan yang pendek bagi tahun 2023.

Seperti yang saya sering katakan sebelum ini, kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilaksanakan bagi memastikan ekosistem pembelajaran di ILJTM sentiasa dalam keadaan selamat dan kondusif. Walaupun peruntukan penyelenggaraan yang bakal diterima adalah lebih kecil berbanding tahun-tahun lepas, tindakan masih perlu dilakukan mengikut kreativiti masing-masing.

Keutamaan peruntukan perlu diberikan kepada ILJTM yang terkesan dengan bencana alam baru-baru ini. Aspek keselamatan seperti tembok yang runtuh perlu diberi perhatian. Jika

ada kepakaran dalaman seperti kursus binaan, kerja-kerja pembaikan tembok boleh dilaksanakan melalui penyelenggaraan sendiri oleh pelajar dan pengajar. Semua pihak diminta untuk mengambil tindakan *contingency* yang bersesuaian bagi memastikan operasi ILJTM berjalan dengan baik dan selamat.



PENGURUSAN LATIHAN PELAJAR SEPENUH MASA

Pembukaan tahun 2023 dimulakan dengan minggu peperiksaan akhir bagi program sepenuh masa di ILJTM. Saya dimaklumkan peperiksaan akhir telah bermula semalam dan akan berjalan sehingga 13 Januari 2023. Seterusnya pelajar-pelajar akan bercuti sehingga 11 Februari 2023.

Pada tahun 2023, JTM menyasarkan seramai **8,500 orang pelajar baharu** akan mendaftar. Sesi pengambilan sesi **1/2023 akan bermula pada 7 Februari 2023** menyasarkan seramai **3,000 orang pelajar baharu** dan sesi **2/2022 pada 31 Julai 2023** pula menyasarkan seramai **5,500 orang pelajar baharu**. Jumlah ini akan menjadikan **sasaran enrolmen bagi tahun 2023** ialah seramai **19,500 orang pelajar**.

Usaha giat semua pihak dalam mempromosikan latihan kemahiran di ILJTM perlu dilakukan. Semua pihak perlu kreatif dalam menonjolkan kekuatan masing-masing. Tahniah diucapkan kepada Pengarah ILP Kuala Terengganu yang rancak mempromosikan ILP melalui khidmat CSR kepada mangsa banjir. *Think outside the box!*. Fikirkan bagaimana kemahiran boleh memenuhi keperluan masyarakat dan industri. Cari peluang dan sasaran yang tepat (*right time, right place*) untuk menghasilkan promosi yang berimpak.

Sasaran pekerjaan bagi graduan ILJTM kini bukan sahaja menjadi pekerja mahir untuk sektor industri, tetapi trend yang semakin meningkat sekarang ialah graduan ILJTM sebagai pencipta pekerjaan (*As a job creator*). Perkara ini berlaku apabila graduan ILJTM bekerja sendiri dan menggaji pekerja lain. ILJTM harus berusaha mendorong pelajar ke arah ini dengan mendedahkan mereka kepada peluang-peluang pekerjaan yang relevan.



MENINGKATKAN KUALITI PROGRAM TVET

Bagi memastikan graduan yang dilatih oleh ILJTM berkualiti dan memenuhi keperluan industri, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan kualiti latihan yang diberikan kepada pelajar-pelajar adalah pada tahap yang terbaik.

Untuk tujuan itu, pihak pengurusan dan tenaga pengajar di ILJTM perlu memberi **komitmen yang tinggi** bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Hal ini mustahak supaya semua pelajar mendapat peluang yang secukupnya untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi mencapai tahap kompeten dalam bidang mereka.

Pelajar juga perlu dipupuk supaya mengamalkan **tingkah laku, atau attitude, yang positif** seperti menepati waktu, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, dan mematuhi amalan keselamatan dan keselamatan (atau *safety & health*) di bengkel. Dalam hal ini, tenaga pengajar perlu menjadi contoh ikutan (atau *role model*) dalam mengamalkan tingkah laku yang positif agar ia dapat diikuti oleh pelajar dan seterusnya diamalkan sebagai satu budaya dalam organisasi kita.

Hasil dapatan daripada maklum balas majikan terhadap pelajar ILJTM yang menjalani Latihan Industri menunjukkan **sikap pelajar** merupakan faktor utama majikan tidak berpuas hati dengan prestasi pelajar ILJTM. Kehadiran dikenal pasti antara masalah paling tinggi yang dihadapi oleh majikan dan diikuti dengan tahap *endurance* pelajar dalam melakukan kerja. Pelajar mudah putus asa dan tidak berupaya bekerja untuk tempoh masa yang lama menjadikan mereka kerap mengambil cuti sakit. Kerjasama semua pihak adalah diperlukan dalam membentuk sahsiah diri pelajar. Oleh itu, satu pasukan kerja (taskforce) akan ditubuhkan pada tahun ini bagi mengkaji dan merangka cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi membentuk sahsiah diri pelajar.

Keseragaman pelaksanaan latihan mengikut standard yang dikeluarkan adalah amat penting. Oleh itu, saya berharap segala perancangan dan penyampaian program TVET dapat

dilaksanakan dengan mematuhi Manual Kualiti serta Garis Panduan terbaharu yang telah dibangunkan pada tahun lalu. Skop Sistem Pengurusan Kualiti telah dikembangkan dan merangkumi program sepenuh masa dan separuh masa. Insya-Allah pada tahun ini Jabatan akan melaksanakan audit ISO agar JTM berjaya memperoleh semula pengiktirafan persijilan MS ISO 9001:2015.



TECHNICAL ADVISORY COMMITTEE (TAC)

PENGLIBATAN INDUSTRI DALAM PENINGKATAN KUALITI LATIHAN

Jabatan juga telah bersetuju supaya Institut mendapatkan input daripada pakar-pakar industri dalam usaha untuk meningkatkan kualiti program TVET di ILJTM.

Untuk tujuan itu, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Teknikal, atau *Technical Advisory Committee* telah dilantik di peringkat Institut agar mereka dapat memberi pandangan dan nasihat kepada pengurusan institut dalam aspek pelaksanaan program TVET.

Sebelum ini, TAC hanya berfungsi di peringkat Ibu Pejabat dan di ADTEC dan JMTI. Tetapi mulai tahun lepas, Jabatan telah bersetuju supaya peranannya diperluaskan ke semua ILP agar dapat memberi impak yang lebih signifikan kepada semua ILJTM. Oleh itu, saya berharap agar pada tahun ini pihak pengurusan Institut dapat memanfaatkan dengan sebaiknya kepakaran pihak industri melalui platform TAC di institut.



MEMPELBAGAIKAN JENIS KURSUS YANG DITAWARKAN

Sebagai usaha Jabatan untuk kekal relevan dan memastikan latihan yang diberikan berupaya mengurangkan jurang ketidaksepadanan kemahiran (skill mismatch), saya ingin menyeru semua institut agar meneroka peluang-peluang untuk melaksanakan kursus baharu sama ada melalui inisiatif sendiri atau melalui kerjasama pihak industri dan agensi pembiayaan.

Sebagai contoh pada tahun lalu, sebanyak enam (6) ILJTM telah terlibat melaksanakan kursus *Electrical Building Automation System Installation* (atau *KNX certified course*) dengan kerjasama pihak industri melalui pembiayaan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Program yang berbentuk hybrid dan merentas bidang seperti ini mampu mengurangkan jurang kemahiran yang diperlukan khususnya dalam era pendigitalan.

Melalui kerjasama tersebut, ILJTM telah berjaya melatih tenaga pengajar dan alumni dengan menggunakan kepakaran pihak industri. Saya percaya dengan kemahiran yang telah dikuasai oleh tenaga pengajar ILJTM, selepas ini kursus tersebut mampu dilaksanakan sendiri oleh pihak Institut tanpa perlu bergantung kepada kepakaran luar dan memanfaatkan lebih ramai lagi.

Penawaran kursus jangka pendek (KJP) yang layak dipersijilkan secara *micro-credential* perlu diusahakan oleh semua ILJTM. Dengan cara ini, kita dapat membuka peluang kepada lebih ramai orang awam untuk mengikuti latihan di ILJTM. Semua ILJTM disarankan untuk mendaftar sebagai Pusat Bertauliah Modular dan memastikan pengajar berkelayakan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak JPK.

Saya percaya ramai pihak di luar sana yang berminat untuk mengikuti kursus teknikal tetapi tidak berpeluang untuk mengikuti kursus secara sepenuh masa di ILJTM yang memerlukan masa yang lebih panjang. Oleh itu penawaran *micro-credential* dengan gabungan SKM secara modular dan sijil professional berpotensi menarik minat lebih ramai orang awam untuk mempelajari kemahiran.

Pendekatan seperti ini telah pun dilaksanakan di beberapa ILJTM seperti ADTEC Kemaman yang menawarkan sijil *commercial diving* dan *underwater welding*, dan ADTEC Jerantut yang menawarkan kursus *boilerman*, dan kursus *Non-Destructive Testing* (atau NDT). Melalui pendekatan sebegini, kita berupaya memperkenalkan kursus dalam bidang-bidang baharu dengan kepakaran dan peralatan industri tanpa perlu membeli terlalu banyak mesin dan peralatan baharu yang sudah pastinya akan memerlukan peruntukan kewangan yang besar.

Selain itu, pelaksanaan kursus melalui pendekatan program Sistem Latihan Dual Nasional (atau SLDN) kepada pekerja industri seperti yang telah dan bakal dilaksanakan di beberapa buah institut seperti di ADTEC Taiping, ADTEC Melaka, ADTEC Shah Alam dan ILP Pedas perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi agar lebih ramai pekerja industri dapat dilatih dan dipersijilkan.



Banyak yang telah saya sebutkan yang merupakan hala tuju jabatan bagi memartabatkan TVET di Malaysia. Peranan dan fungsi JTM dalam mengangkat TVET di Malaysia menjadi semakin penting apabila keurusetiaan tadbir urus TVET telah dikembalikan ke KSM. The ball is in our hand now. Jangan berlengah sehingga terlepas peluang ini ke orang lain sekali lagi.

Akhir kalam, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2023 kepada semua warga JTM dan ILJTM. Semoga prestasi kita pada tahun ini adalah lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya.

Slide 15



Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua kakitangan dan pelajar berbangsa Cina.

Xin Nian Kuai Ler – Happy New Year

Wàn Shì Rú Yì – May everything goes well for you.

Sila pesan kepada para pelajar untuk sentiasa menjaga keselamatan dan kesihatan diri sepanjang tempoh bercuti. Semasa musim perayaan, pelajar akan memandu, mohon pesan juga untuk berhati-hati di jalan raya

Sekian. Terima kasih